



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGURUSAN KEWANGAN**  
**KOD KURSUS : DPI2133**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016**  
**MASA : 3 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (10 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Betul/Salah
  - iii. Buku Jawapan
  - iv. Jadual Nilai Masa Kini dan Nilai Masa Depan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA di dalam Kertas Jawapan Betul/Salah.

1. Nisbah margin untung bersih bertujuan mengukur sejauh mana aset firma dibiayai melalui hutang.
2. Akaun belum bayar, belanja terakru dan nota belum bayar adalah contoh pembiayaan spontan (*spontaneous sources of financing*).
3. Sekuriti boleh pasar (*marketable securities*) ditakrifkan sebagai sekuriti jangka panjang yang boleh ditukar kepada tunai dengan mudah.
4. Memaksimumkan kekayaan bagi sesebuah syarikat adalah dengan memaksimumkan harga saham.
5. 'Titik pesanan semula' digunakan untuk menunjukkan jumlah atau tahap inventori yang harus dipesan oleh sesebuah syarikat.
6. Kertas perdagangan (*Commercial Paper*) adalah contoh sumber pembiayaan jangka pendek, tidak bercagar dan diterbitkan oleh syarikat-syarikat besar yang kukuh kedudukan kewangannya..
7. Konsep apungan digunakan untuk mempercepatkan pungutan aliran tunai masuk syarikat.
8. Belanjawan tunai merupakan alat utama untuk meramalkan kedudukan tunai syarikat pada masa depan bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang.
9. Jika pengurusan inventori syarikat adalah berdasarkan 'Just in Time (JIT), tiada sebarang inventori disimpan di dalam stor.
10. Pemegang bon menerima kadar faedah yang tidak tetap setiap tahun.

**[10 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **TIGA(3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

| <b>IFONE BERHAD</b>                                     |                         |
|---|-------------------------|
| <b>PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015</b> |                         |
| <b>RM</b>   |                         |
| <b>Aset Semasa</b>                                      |                         |
| Tunai   | 50,000                  |
| Sekuriti boleh pasar                                    | 30,000                  |
| Akaun belum terima                                      | 450,000                 |
| Inventori   | 250,000                 |
| <b>Aset Tetap</b>                                       |                         |
| Nilai bersih aset tetap                                 | <u>1,458,000</u>        |
|   | <b><u>2,238,000</u></b> |
| <b>Liabiliti Semasa</b>                                 |                         |
| Akaun Belum Bayar                                       | 525,000                 |
| Belanja terakru   | 31,000                  |
| <b>Liabiliti Bukan Semasa</b>                           |                         |
| Pinjaman jangka panjang                                 | 753,850                 |
| <b>Ekuiti</b>   |                         |
| Saham biasa   | 78,000                  |
| Saham keutamaan   | 364,000                 |
| Pendapatan tertahan                                     | <u>486,150</u>          |
|   | <b><u>2,238,000</u></b> |

**IFONE BERHAD**  
**PENYATA UNTUNG RUGI PADA TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

|                                     | <b>RM</b>        |
|-------------------------------------|------------------|
| Jualan                              | 1,875,000        |
| Tolak: Kos barang dijual            | <u>1,310,000</u> |
| Untung Kasar                        | 565,000          |
| Tolak: Belanja operasi              | <u>304,700</u>   |
| Pendapatan sebelum cukai dan faedah | 260,300          |
| Tolak: Faedah                       | <u>85,000</u>    |
| Pendapatan sebelum cukai            | 175,000          |
| Tolak: Cukai                        | <u>53,600</u>    |
| Pendapatan selepas cukai            | <u>121,700</u>   |

**Nisbah Purata Industri**

|                        |           |                            |         |
|------------------------|-----------|----------------------------|---------|
| Nisbah semasa          | 2.4 kali  | Nisbah hutang              | 45.1%   |
| Nisbah asset cepat     | 1.4 kali  | Tempoh purata kutipan      | 39 hari |
| Pusing ganti inventori | 5.11 kali | Pulangan atas aset         | 8.95%   |
| Margin untung bersih   | 7.96%     | Pulangan atas ekuiti biasa | 12.50%  |

Berdasarkan penyata kewangan di atas:

- a) Kirakan nisbah kewangan bagi IPhone Berhad (12 markah)
- b) Berikan penilaian prestasi kewangan syarikat dengan merujuk kepada nisbah kecairan, aktiviti, keberuntungan dan leveraj. (8 markah)

**SOALAN 2**

Berikut merupakan maklumat anggaran belanjawan tunai Sunway Sdn Bhd bagi suku tahun ketiga 2016.

1. Anggaran jumlah syarikat dari bulan April sehingga Oktober 2016:

| Bulan     | RM      |
|-----------|---------|
| April     | 600,000 |
| Mei       | 650,000 |
| Jun       | 450,000 |
| Julai     | 350,000 |
| Ogos      | 310,000 |
| September | 250,000 |
| Oktober   | 860,000 |

Kutipan jualan:

- i) 25% diterima pada bulan yang sama transaksi berlaku
  - ii) 45% diterima sebulan selepas transaksi berlaku
  - iii) 25% diterima dua bulan selepas transaksi berlaku
  - iv) 5% tidak berjaya dikutip
2. Jumlah belian dianggarkan 60% dari nilai jualan bulanan syarikat.
3. Syarikat meramalkan untuk membayar keseluruhan jumlah belian sebulan selepas transaksi berlaku.
4. Anggaran belanja bulanan syarikat termasuklah:

|                 |                              |
|-----------------|------------------------------|
| Penyelenggaraan | RM45,000                     |
| Pemasaran       | RM5,000                      |
| Utiliti         | 2% dari nilai jualan bulanan |

5. Cukai syarikat sebanyak RM35,000 dan dibayar pada bulan September.
6. Bunga atas sekuriti mudahpasir berjumlah RM10,000 yang diterbitkan syarikat, akan dibayar pada bulan September.
7. Syarikat memperuntukkan RM5,000 sebagai belanja susutnilai dan akan direkod dalam penyata kewangan syarikat pada bulan Ogos.
8. Baki akhir tunai pada bulan Jun adalah RM20,000. Adalah menjadi dasar syarikat untuk memastikan baki minimum tunai bulanan syarikat sebanyak RM50,000.

**Dikehendaki :**

Sediakan Belanjawan Aliran Tunai bagi Sunway Sdn.Bhd pada suku tahun ketiga 2016

**SOALAN 3**

Syarikat Corell merancang untuk membuat pelaburan dalam salah satu daripada tiga projek di bawah dan menghadapi kos sebanyak 12% daripada modal untuk membiayai projek tersebut. Berikut merupakan aliran tunai bagi kedua-dua projek tersebut:

| Tahun | Projek A (RM) | Projek B (RM) | Projek C (RM) |
|-------|---------------|---------------|---------------|
| 0     | 380,000       | 380,000       | 380,000       |
| 1     | 145,000       | 120,000       | 93,000        |
| 2     | 145,000       | 120,000       | 108,000       |
| 3     | 96,000        | 120,000       | 148,000       |
| 4     | 96,000        | 120,000       | 187,000       |

- a) Sebagai pengurus kewangan bagi Syarikat Corell, kirakan bagi ketiga-tiga projek berikut
- i) Tempoh bayar balik (6 markah)
  - ii) Nilai kini bersih (9 markah)
- b) Projek mana yang harus dipilih oleh Syarikat Corell? Jelaskan dapatan anda. (2 markah)
- c) Jelaskan kepentingan kos modal. (3 markah)

**[60 MARKAH]**

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan, jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

**AURORA BERHAD**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2015**

**Aset Semasa**

|                    |         |
|--------------------|---------|
| Tunai              | 250,000 |
| Akaun Belum Terima | 300,000 |
| Inventori          | 450,000 |

**Aset Tetap**

|                     |         |
|---------------------|---------|
| Van                 | 400,000 |
| Susut Nilai Van     | 50,000  |
| Perabot             | 400,000 |
| Susut Nilai Perabot | 70,000  |

**Jumlah Aset**

1,680,000

**Liabiliti Semasa**

|                   |         |
|-------------------|---------|
| Akaun Belum Bayar | 250,000 |
| Nota Belum Bayar  | 450,000 |
| Insuran Terakru   | 280,000 |

**Liabiliti Jangka Panjang**

|                         |         |
|-------------------------|---------|
| Pinjaman Jangka Panjang | 200,000 |
|-------------------------|---------|

**Ekuiti**

|                    |         |
|--------------------|---------|
| Saham Biasa        | 200,000 |
| Perolehan Tertahan | 300,000 |

**Jumlah Liabiliti & Ekuiti**

1,680,000

Aurora Berhad berhasrat untuk membesarkan lagi perniagaannya. Anda dikehendaki membuat pengiraan jangkaan dana tambahan yang diperlukan untuk menampung perbelanjaan tersebut dengan menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan Pro Forma pada 31 Disember 2016.

1. Jualan semasa ialah RM 1 juta dan ia dijangka meningkat sebanyak 30% tahun 2016.
2. Margin untung bersih ialah 15%
3. Dividen ke atas keuntungan ialah 25%
4. Aurora Berhad beroperasi pada tahap kapasiti penuh.
5. Dana tambahan akan diperolehi melalui pinjaman jangka panjang.



**SOALAN 2**

- a) Sofiah telah meminjam sebanyak RM 20,000 untuk membeli rumah. Kadar bunga yang dikenakan adalah sebanyak 12% setahun dan dia berjanji untuk membayar ansuran sebanyak 20 kali. Kira ansuran tahunan pinjaman ini.  
(3 markah)
- b) Bendahara Bikers dijangka akan menerima aliran tunai RM 5,000 untuk tempoh 5 tahun yang pertama, RM 6,000 pada tahun ke 7 dan RM 9,000 pada tahun ke 9. Berapa nilai kini aliran tunai jika bunga dikompaun setahun sekali pada kadar 10%.  
(4 markah)
- c) Hassan melabur sebanyak RM10,000 dalam akaun simpanan yang membayar kadar keuntungan sebanyak 4% setahun. Berapakah nilai simpanan ini selepas empat tahun?  
(3 markah)

**SOALAN 3**

Ramadhan Berhad menjangkakan ia memerlukan 400,000 unit kerusi dalam setahun. Berdasarkan polisi syarikat, stok keselamatan perlu dikekalkan iaitu sebanyak 10,000 unit. Harga seunit kerusi yang dibeli ialah RM4 dan masa menunggu adalah selama 2 minggu. Kos penyimpanan adalah 25% daripada nilai belian inventori dan kos pemesanan adalah RM50 untuk setiap pesanan. (Anggarkan 50 minggu dalam setahun)

Berdasarkan maklumat di atas, anda dikehendaki menentukan:

- a) Kuantiti Pesanan Ekonomi (EOQ). (3 markah)
- b) Titik pesanan semula (3 markah)
- c) Jumlah kos inventori dalam setahun (4 markah)

**SOALAN 4**

Ramen Berhad sedang menjalani pengembangan operasi dan memerlukan sejumlah dana tambahan. Berikut diberikan alternatif yang boleh dipertimbangkan oleh syarikat untuk mendapatkan pembiayaan.

Alternatif i: Menerbitkan 9% kupon bon dengan tempoh matang selama 10 tahun dan dijual pada RM950. Kos apungan sebanyak RM20 dan kadar cukai syarikat adalah 35%

Alternatif ii: Menerbitkan saham biasa pada harga RM45/saham. Syarikat baru sahaja membayar RM1.50 sesaham dan dividen dijangka meningkat pada kadar 8%.

Kos apungan adalah 5% dari harga jualan sesaham.

Alternatif iii: Menerbitkan saham keutamaan pada harga RM94. Kadar dividen saham adalah 10% daripada nilai par manakala kos apungan adalah 3% daripada harga saham dijual.

- a) Kira kos menerbitkan bon (4 markah)
- b) Kira kos menerbitkan saham biasa (3 markah)
- c) Kira kos menerbitkan saham keutamaan (2 markah)
- d) Alternatif mana yang sepatutnya menjadi pilihan syarikat dan berikan alasan anda. (1 markah)

**SOALAN 5**

Calaqueen Berhad dijangka mengalami kekurangan dana sebanyak RM700,000 untuk tempoh lapan bulan. Syarikat sedang memikirkan alternatif untuk memperoleh dana tambahan dari sumber-sumber tertentu termasuklah:

- a) Kemudahan pembiayaan melalui barisan kredit (*line of credit*) dari bank berjumlah RM1 juta dengan caj 5% fi komitmen keatas kredit yang tidak digunakan dan kadar bunga tahunan sebanyak 9%. (3 markah)
- b) Menerbitkan kertas perdagangan dengan nilai muka RM 100,000 setiap kertas. Kadar bunga ialah 14% setahun manakala kos apungan adalah RM2,500/kertas. (1 tahun= 360 hari) (3 markah)
- c) Meminjam dari Bank RHB bank dengan kadar bunga 8% terdiskaun dan 15% baki pampasan. Syarikat mempunyai baki dalam akaun di bank sebanyak RM100,000. (3 markah)

- d) Kirakan kadar efektif untuk setiap alternatif dan cadangkan pilihan yang wajar dipilih oleh Calaqueen dan berikan alasan anda. (1 markah)

**[30 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

